



Siaran Akhbar

Press Release

MCMC RAMPAS 274 UNIT PERANTI ANDROID BOX TIDAK DIPERAKUI

CYBERJAYA, 5 Oktober 2018 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah merampas sebanyak 274 unit peranti Android Box yang tidak diperakui, dalam satu serbuan serentak ke atas tiga premis di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Serbuan tersebut dibuat selepas MCMC menerima aduan daripada orang ramai dan mendapat maklumat bahawa ketiga-tiga premis berkenaan disyaki menjual peranti komunikasi berkenaan.

Dalam serbuan itu juga, pemilik premis dan pekerja yang terbabit telah diambil rakaman percakapan bagi membantu siasatan.

Nilai serbuan dianggarkan berjumlah RM80,000.

Kes disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000.

TAMAT

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@cmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

